

24 FEB 2001

Razaleigh-perpaduan

PERPADUAN ORANG MELAYU MUSTAHAK JAMIN KESTABILAN NEGARA

PASIR PUTEH, 24 Feb (Bernama) -- Umno mampu bangkit untuk menyatupadukan orang Melayu secara bersendirian tetapi adalah lebih baik sekiranya semua kelompok orang Melayu terutamanya Pas turut serta, kata Anggota Majlis Tertinggi (MT) Umno, Tengku Razaleigh Hamzah.

Beliau berkata tanpa penyatuan orang Melayu sepenuhnya, kestabilan negara akan digugat oleh anasir asing yang sentiasa cuba mengaut keuntungan di sebalik perpecahan orang Melayu.

"Kekuatan negara ini bergantung kepada sejauh mana perpaduan di kalangan orang Melayu yang merupakan kaum majoriti di negara ini," katanya kepada Bernama selepas merasmikan mesyuarat agung berkelompok cawangan-cawangan Umno bahagian Pasir Puteh di sini, hari ini.

Tengku Razaleigh berkata penyatuan orang Melayu yang dapat menggugurkan hasrat penjajah Inggeris yang bercadang mewujudkan Melayan Union sebelum negara mencapai kemerdekaan, membuktikan perpaduan itu amat menakutkan penjajah.

Bagaimanapun, Pas sengaja tidak mahu memahami hasrat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang ingin mencari perpaduan orang Melayu melalui rundingan Umno dan Pas yang dicadangkan pada 19 Feb lepas yang kemudiannya ditangguhkan oleh Pas dengan beberapa syarat, katanya.

Beliau yang juga anggota Parlimen Gua Musang, berkata penangguhan pertemuan oleh Pas dengan beberapa syarat termasuk mendesak kerajaan yang diterajui Umno mesti memberi kelulusan penerbitan akhbar Harakah sebanyak lapan kali sebulan, adalah tidak penting berbanding penyatuan orang Melayu.

Katanya perpaduan orang Melayu merupakan asas keharmonian dan kekuatan negara, melaluinya orang bukan Melayu juga akan turut menikmati kemakmuran negara pada masa depan.

"Jika keadaan negara tergugat, orang asing kemungkinan akan kembali menjajah negara ini," katanya.

Beliau berkata Pas mungkin memikirkan di sebalik penangguhan pertemuan itu untuk mendapat keuntungan terutamanya bagi menarik sokongan orang bukan Melayu supaya menyokong parti mereka yang selama ini gagal meraih sokongan.

"Sekiranya ini benar, Pas jangan bermimpi di siang hari kerana cita-cita mereka yang ingin memerintah negara ini pada pilihan raya umum akan datang dengan mendapat sokongan orang Cina dan India tidak mungkin tercapai," katanya.

Tengku Razaleigh juga menolak untuk menjadi "orang tengah" bagi membawa kedua-dua parti itu kembali ke meja rundingan dalam mencari perpaduan orang Melayu kerana apa yang dibuat oleh Perdana Menteri melalui Jawatankuasa Teknikal sudah memadai.

--BERNAMA

WM BD RI